29 Oktober 2026
29 October 2026
P.U. (B) 439

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

ARAHAN MENTERI
DI BAWAH PERENGGAN 26(1)*(d)* DAN SEKSYEN 564

DIRECTIONS OF THE MINISTER UNDER PARAGRAPH 26(1)(d) AND SECTION 564

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA SYARIKAT 2016

ARAHAN MENTERI DI BAWAH PERENGGAN 26(1)*(d)* DAN SEKSYEN 564

MENURUT subseksyen 26(3) Akta Syarikat 2016 [*Akta 777*], Pendaftar menyiarkan dalam Jadual senarai nama syarikat yang diarahkan oleh Menteri untuk tidak diterima bagi pendaftaran di bawah perenggan 26(1)*(d)* dan seksyen 564 Akta.

JADUAL

1. Nama-nama yang membayangkan apa-apa kaitan dengan ahli keluarga diraja atau naungan diraja termasuk nama-nama yang mengandungi perkataan seperti "Diraja", "Raja", "Permaisuri", "Putera", "Puteri", "Mahkota", "Raja Muda", "Yang Mulia" atau "Yang Maha Mulia"

2. Nama-nama yang membayangkan apa-apa kaitan dengan sesuatu jabatan Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri, badan berkanun, pihak berkuasa atau agensi kerajaan atau pihak berkuasa tempatan termasuk nama-nama yang mengandungi perkataan seperti "Persekutuan", "Negeri" atau "Nasional"

3. Nama-nama yang membayangkan apa-apa kaitan dengan mana-mana kerajaan negara ASEAN, Komanwel atau kerajaan asing, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu atau mana-mana pertubuhan antarabangsa yang lain termasuk nama-nama yang mengandungi perkataan seperti "ASEAN", "UNESCO", "NATO", "EEC" atau "OPEC"

4. Nama-nama yang membayangkan kaitan dengan mana-mana parti politik, pertubuhan, kesatuan sekerja, koperasi atau persatuan pembinaan

5. Nama-nama yang termasuk perkataan yang berikut atau apa-apa perkataan yang mempunyai maksud yang sama atau seumpamanya:

"Amanah", "Amanah Saham", "Bank", "Bursa", "Bumiputera", "Biro", "Buatan Malaysia", "Dewan Pengeluaran", "Dewan Perniagaan dan Perindustrian", "Eksekutor", "Harga Patut", "Institut", "Insurans", "Jaminan", "Jurubank", "Kewangan", "Khazanah", "Kredit", "Kolej", "Majlis", "Pajakan", "Pejabat Pendaftaran", "Pelaburan", "Pengguna", "Perdana", "Tauliah", "Tabung", "Universiti", "Urusan Bank", "Yayasan"

6. Nama-nama yang mengelirukan dari segi identiti, jenis, objek atau tujuan sesebuah syarikat atau yang mengelirukan dengan apa jua cara lain

7. Nama-nama yang mencerca atau yang mungkin dianggap menghina oleh orang awam

8. Nama atau perkataan yang—

(a) dikawal di bawah mana-mana undang-undang bertulis atau oleh mana-mana agensi Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri, jabatan atau pihak berkuasa tempatan; atau

(b) dimohon untuk dikawal oleh mana-mana agensi Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri, jabatan, pihak berkuasa tempatan atau mana-mana pihak

Bertarikh 20 Ogos 2026
[KPDN.100-1/1/37; PN(PU2)740/JLD.4]

DATUK NOR AZIMAH ABDUL AZIZ
Pendaftar Syarikat

COMPANIES ACT 2016

DIRECTIONS OF THE MINISTER UNDER PARAGRAPH 26(1)*(d)* AND SECTION 564

PURSUANT to subsection 26(3) of the Companies Act 2016 [*Act 777*], the Registrar publishes in the Schedule the list of names that the Minister has directed not to accept for registration under paragraph 26(1)*(d)* and section 564 of the Act.

SCHEDULE

1. Names suggesting any connection with a member of the royal family or royal patronage including names containing words such as "Royal", "King", "Queen", "Prince", "Princess", "Crown", "*Raja Muda*", "*Yang Mulia*" or "*Yang Maha Mulia*"

2. Names suggesting any connection with a Federal Government or State Government department, statutory body, authority or government agency or local authority including names containing words such as "Federal", "State" or "National"

3. Names suggesting any connection with any ASEAN, Commonwealth or foreign government, the United Nation or any other international organisation including names containing words such as "ASEAN", "UNESCO", "NATO", "EEC" or "OPEC"

4. Names suggesting connection with any political party, society, trade union, co-operative society or building society

5. Names including the following words or any word which has similar or like meaning:

"Trust", "Unit Trust", "Bank", "Exchange", "Bumiputera", "Bureau", "Made in Malaysia", "Chamber of Manufacturers", "Chamber of Commerce and Industry", "Executor", "Fair Price", "Institute", "Insurance", "Guarantee", "Banker", "Finance", "Treasury", "Credit", "College", "Council", "Leasing", "Registry", "Investment", "Consumer", "Prime", "Chartered", "Fund", "University", "Banking", "Foundation"

6. Names that are misleading as to the identity, nature, objects or purposes of a company or misleading in any other manner

7. Names that are insulting or likely to be considered insulting by the public

8. Names or words that are—

(a) controlled under any written law or by any Federal Government or State Government agency, department or local authority; or

(b) applied to be controlled by any Federal Government or State Government agency, department, local authority or any party

Dated 20 August 2026
[KPDN.100-1/1/37; PN(PU2)740/JLD.4]

DATUK NOR AZIMAH ABDUL AZIZ
Registrar of Companies